

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD.5 (79)  
Tarikh: 27 September 2012

## KENYATAAN AKHBAR

### HUBUNGAN MALAYSIA DAN INDONESIA DIPERKUKUH

Lawatan delegasi Majlis Bandaraya Petaling Jaya(MBPJ) ke Bandung,Indonesia baru-baru ini nyata memberi makna apabila kedua-duanya bersetuju memetrai beberapa perjanjian bersama di dalam membantu mengembangkan budaya,ekonomi,pendidikan dan kesihatan bandar masing.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Y,Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman projek yang diberi nama 'Sulong' itu akan diperluas dan hasilnya boleh dilihat dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

"Kerjasama ini bukan sekadar merapatkan malah kita berpandangan bahawa kedua-dua bandaraya boleh membangun bersama melalui perkongsian kepakaran masing-masing ,”katanya.

Bandung yang dikenali sebagai kota perniagaan akan membuka gerbang barang keluarannya di Uptown D’Kota,Kota Damansara malah buat permulaan MBPJ juga bersetuju berkongsi kepakaran untuk membangunkan lokasi perniagaan mereka di beberapa kawasan di Bandung.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman MOU antara Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) dan Pemberdayaan dan Kesejahteraan Keluarga (PKK),Pemerintah Kota Bandung di Cocorico dekat sini.

Sementara itu Datuk Bandar Bandung, Dada Rusada berkata hubungan Malaysia dan Indonesia yang sememangnya kukuh sejak sekian lama diteruskan melalui kerjasama ini.

Semua mengetahui bahawa negara Indonesia termasuk Bandung mengalami kesesakan lalulintas yang teruk dan dengan adanya hubungan kerjasama kita boleh belajar dari Malaysia bagaimana masalah ini dapat dikurangkan melalui pembinaan jaringan jalan raya yang bersistematisik.

Di Bandung juga banyak siswa dan sisi yang datangnya dari Malaysia dan itu antara usaha untuk mempromosikan bidang pendidikan yang ada di Bandung yang tidak ketahui ramai yang masing-masingnya bertaraf dunia.

Lawatan rasmi MBPJ selama 4 hari itu turut melawat Muzium Persidangan Asia – Afrika dan Festival Braga City Walk sempena Ulangtahun ke 202 Bandung.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**